

**FOREX: Ringgit Ditutup Rendah Berbanding Dolar AS**  
**Bernama**  
**18 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Ringgit ditutup rendah berbanding dolar Amerika hari ini setelah aset yang berisiko dijual selepas pihak berkuasa Jerman memudahkan harapan rancangan menyelamatkan Kesatuan Eropah (EU), kata para peniaga.

Pada pukul 5 petang, ringgit susut kepada 3.1320/1370 berbanding dolar AS daripada 3.0980/1030 pada Isnin.

Pelabur kecewa dengan jangkaan Menteri Kewangan Jerman bahawa sidang kemuncak EU hujung minggu ini tidak akan membentangkan penyelesaian muktamad berhubung krisis hutang rantau itu.

Ringgit didagangkan bercampur-campur berbanding mata wang utama lain.

Ia naik berbanding dolar Singapura kepada 2.4565/4619 daripada Isnin pada 2.4599/4635 tetapi unit tempatan susut berbanding yen kepada 4.0744/0836 daripada 4.0047/0078 sebelumnya.

Ringgit turun berbanding pound British kepada 4.9238/9326 daripada Isnin pada 4.8971/9012 tetapi menokok berbanding euro kepada 4.2852/2933 daripada 4.3050/3090 pada Isnin.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620782>